



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6051
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

Ruj. Kami: JPV/PR/AB/100-13/3/24 JLD3

Tarikh : 22 Mei 2020

Senarai Edaran

Tuan/Puan,

SOP LADANG TERNAKAN DAN LOJI PEMROSESAN HASILAN TERNAKAN DALAM SITUASI WABAK COVID-19


Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Ladang Ternakan dan Loji Pemprosesan Hasil Ternakan Dalam Situasi Wabak COVID-19 yang wajib dipatuhi oleh setiap loji penyembelihan dan loji pemprosesan hasil ternakan dibawah seliaan pihak tuan/puan.
3. SOP ini perlu dipatuhi sepanjang operasi di loji penyembelihan dan loji pemprosesan hasil ternakan dijalankan bagi mengelakan sebarang jangkitan COVID-19 kepada pekerja di loji penyembelihan dan loji pemprosesan hasil ternakan dan untuk memastikan sumber makanan berasaskan ternakan selamat untuk dimakan.
4. Sehubungan dengan itu, bersama – sama ini dipanjangkan SOP Ladang Ternakan dan Loji Pemprosesan Hasil Ternakan Dalam Situasi Wabak COVID-19 untuk perhatian dan tindakan pihak tuan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. NORLIZAN BIN MOHD NOOR)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia



SOP LADANG TERNAKAN DAN LOJI PEMROSESAN HASILAN TERNAKAN DALAM SITUASI WABAK COVID-19

1.0 Tujuan

Tujuan SOP ini untuk memberi garis panduan bagi menguruskan premis yang melibatkan ternakan (ladang ternakan dan loji pemprosesan hasilan ternakan) dalam situasi wabak COVID-19 dalam negara.

2.0 Skop

2.1. Garis panduan ini disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) untuk digunapakai seperti berikut :

- a) Ladang ternakan seperti ayam, lembu, babi dan lain-lain ternakan.
- b) Loji penyembelihan dan pemprosesan ayam
- c) Rumah sembelih ruminan jabatan dan swasta
- d) Loji pemprosesan produk hasilan haiwan.

3.0 Prosedur yang perlu dipatuhi

3.1. Premis perlu mematuhi Amalan Penternakan Terbaik (Good Animal Husbandry Practice, GAHP) untuk ladang ternakan dan program Jaminan Keselamatan Makanan untuk rumah sembelih ruminan, loji penyembelihan dan pemprosesan ayam serta loji pemprosesan produk hasilan ternakan.

3.2. Kesemua pekerja asing perlu menjalani ujian saringan penyakit COVID-19. Hanya pekerja yang negatif dan sihat sahaja dibenarkan hadir bertugas. Rekod kehadiran pekerja perlu dipantau dari semasa ke semasa.

- 3.3. Setiap pekerja perlu diperiksa suhu badan dan direkodkan setiap hari. Pemeriksaan ini perlu dibuat di pintu masuk ke premis terbabit.
- 3.4. Setiap premis wajib menyediakan pelitup muka (face mask) dan hand sanitizer untuk kegunaan pekerja.
- 3.5. Setiap pekerja wajib memakai pelitup muka semasa bekerja, semasa rehat atau di tempat yang sama dengan pekerja lain.
- 3.6. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter perlu di amalkan.
- 3.7. Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat).

3.7.1 Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai (melebihi 5% jumlah pekerja) kerana demam atau bersimptom.

3.7.2 Pekerja yang mempunyai suhu badan ialah 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

3.7.3 Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

4.0 Pengurusan premis jika terdapat pekerja yang disahkan positif COVID-19.

- 4.1 Premis hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak KKM.
- 4.2 Premis perlu dibasmikuman dengan menggunakan ubat basmi kuman (disinfectant) yang sesuai.

4.3 Pengurusan di ladang ternakan.

- a. Pemilik perlu memastikan kebajikan haiwan terjaga berdasarkan Akta Kebajikan Haiwan 2015.
- b. Pemilik hendaklah memastikan ternakan mendapat makanan dan minuman yang secukupnya.
- c. Pemilik perlu mengamalkan dan meningkatkan biosekuriti ladang.
- d. Hanya pekerja yang sihat dan disahkan negatif COVID-19 sahaja dibenarkan untuk bekerja di ladang tersebut.
- e. Pekerja yang tinggal di asrama pekerja tidak dibenarkan keluar dari asrama sepanjang tempoh 14 hari tempoh kuarantin.
- f. Pelawat tidak dibenarkan masuk.
- g. Pekerja yang bekerja di ladang tidak dibenarkan bercampur dengan orang luar sama ada semasa atau di luar waktu bekerja tanpa prosedur kawalan penyakit yang betul.

- h. Jika semua pekerja di ladang disahkan positif dan pihak majikan perlu mendapatkan khidmat pekerja tambahan lain/luar, perlu dipastikan pekerja tersebut telah disahkan negatif penyakit COVID-19.
- i. Senarai nama pekerja tambahan ini perlu dihantar kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar terlebih dahulu untuk kebenaran beroperasi dengan pekerja tambahan.
- j. Jumlah pekerja tambahan ini adalah bersamaan dengan jumlah pekerja asal atau kurang dari jumlah itu.
- k. Bahagian luar pembungkusan hasil produk perlu disanitasi sepenuhnya sebelum dibawa keluar dari premis terbabit. Pemantauan rapi akan dijalankan oleh pihak berwajib.
- l. Dokumen kebenaran perjalanan perlu diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi setiap perjalanan ternakan atau hasil ladang yang keluar dari premis terbabit.
- m. Sekiranya terdapat produk atau ternakan yg diuji positif, produk atau ternakan terbabit akan dilupuskan sepenuhnya termasuk yang berada di dalam premis.

4.4 **Pengurusan di rumah sembelihan ruminan, loji penyembelihan ayam dan loji pemprosesan produk hasil haiwan.**

- i. Premis perlu menghentikan operasi dan mematuhi arah KKM selama 14 hari. Semua pekerja wajib menjalani proses kuarantin selama 14 hari.

- ii. Kilang atau loji perlu dibasmikuman dengan disinfektan yang sesuai.
 - iii. Persampelan produk dari kilang atau loji pemprosesan akan dijalankan untuk pengujian pengesanan virus COVID-19.
- 4.5 Tidak dibenarkan dibawa keluar sebarang hasil ladang, barang atau peralatan atau apa sekalipun dari premis terbabit tanpa mendapat kebenaran dari pihak berwajib.
- 4.6 Sampah sarap dan ternakan yang mati perlu dilupuskan di dalam kawasan premis dengan mematuhi prosedur yang betul.
- 4.7 Program sanitasi perlu dijalankan dengan kerap meliputi semua tempat yang melibatkan pekerja di dalam premis terbabit.